

23 NOV 1999

LING-PELAYARAN SANTAI

INDUSTRI PELAYARAN SANTAI SALAH SATU 'WANG BARU' BAGI EKONOMI MALAYSIA

IPOH, 23 Nov (Bernama) -- Malaysia, yang memiliki angkatan kapal persiaran yang keempat terbesar, menjangka usaha barunya dalam industri pelayaran santai akan menjadi penjana pendapatan baru bagi negara disamping acara sukan antarabangsa.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata memandangkan negara-negara Asean terletak berdekatan dengan musim panas selama 365 hari setahun, industri pelayaran santai tempatan boleh menawarkan pelbagai jenis makanan, kebudayaan, sinaran matahari dan keseronokan bagi pelancong-pelancong antarabangsa.

Berbanding destinasi pelayaran santai Barat, yang serupa antara satu sama lain, Malaysia dan jiran-jirannya merupakan destinasi yang menarik bagi pasaran antarabangsa, katanya pada sesi pertemuan calon-calon MCA dengan rakyat di sini hari ini.

Kata beliau pelancong-pelancong antarabangsa yang mengunjungi rantau ini bukan sahaja dapat menikmati makanan dan kebudayaan Malaysia, malah juga makanan dan kebudayaan negara-negara jiran Malaysia seperti Thailand dan Indonesia dalam pelayaran santai hanya selama tiga hari.

Ling berkata ini adalah salah satu idea baru kerajaan Barisan Nasional, khususnya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk mempelbagaikan kegiatan ekonomi Malaysia.

"Berdasarkan industri pelayaran santai di Miami, Florida, Amerika Syarikat yang menjana hasil berjumlah AS\$7 bilion setahun, cuba bayangkan jika kita boleh hasilkan hanya RM1 bilion bagi Malaysia," katanya.

Dr Ling berkata dengan kemudahan pelabuhan-pelabuhan tempatan yang telah dipertingkatkan untuk mengendalikan kapal-kapal persiaran, dan dengan lapangan terbang berhampiran pelabuhan, pelancong-pelancong antarabangsa boleh menaiki kapal terbang dan kapal persiaran ke Malaysia dan negara-negara jirannya.

Dr Ling berkata acara-acara sukan antarabangsa seperti Sukan Komanwel dan Perlumbaan Formula One telah membantu kerajaan mengiklankan negara ini di peringkat antarabangsa.

-- BERNAMA

HK KY MA